

A large background image showing graduates in green gowns and black caps throwing their caps into the air. The scene is bright and celebratory, with many caps visible in the sky. The image is split into two vertical panels by a white central area containing text.

PERANAN MAHASISWA DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT MALAYSIA YANG HARMONI

NAMA:

PRASANT KARUNAMURTHI
A19EC0148



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SCHOOL OF COMPUTING
Faculty of Engineering

PERANAN MAHASISWA DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT MALAYSIA YANG HARMONI

Perpaduan merupakan antara nilai yang sangat signifikan terutamanya dalam negara Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk dari pelbagai kaum. Oleh itu, tidak dinafikan bahawa tugas membentuk masyarakat yang harmoni merupakan tanggungjawab semua pihak. Hal ini membawa kita ke hujah yang menekankan peranan mahasiswa dalam membentuk masyarakat Malaysia yang harmoni. Lebih-lebih lagi, secara harifiah ia juga boleh dinyatakan mahasiswa memainkan peranan yang paling dominan dalam membentuk masyarakat Malaysia yang harmoni. Hal ini adalah kerana mahasiswa mahasiswi merupakan golongan masyarakat yang mengalami perubahan yang paling ketara dan konsisen. Mereka terpaksa melalui dan mengharungi pelbagai cabaran dari segi mental dan fizikal. Mereka terpaksa melaraskan diri sendiri dengan pelbagai situasi. Perkara ini membolehkan para mahasiswa mahasiswi mempunyai pelbagai nilai-nilai murni yang wajar dicontohi oleh masyarakat Malaysia. Oleh itu, saya berpendapat kuat bahawa mahasiswa memainkan peranan yang sangat crucial dalam membentuk masyarakat yang harmoni.

Tanpa membuang masa, kita teruskan ke isi dominan, iaitu peranan saling menghormati antara satu sama lain dalam usaha menjadi teladan kepada masyarakat Malaysia. Nilai saling hormat menghormati merupakan antara nilai yang sangat penting tetapi dukacinya antara nilai yang sering diabaikan oleh masyarakat Malaysia. Perkara ini sangat menyedihkan terutamanya apabila kita sering mendengar berita tentang

perbuatan-perbuatan masyarakat yang mengabaikan nilai ini. Tetapi bagaimanakah perkara ini berkaitan dengan mahasiswa ?

Situasi sebegini dapat dielakkan jika masyarakat menjadi teladan dan contoh dan mengamalkan nilai saling menghormati antara satu sama lain dan apabila berinteraksi dengan orang sekeliling. Masyarakat Malaysia mempunyai anggapan dan jankaan yang sangat tinggi terhadap mahasiswa, oleh itu mahasiswa perlu memuaskan tanggapan tersebut. Ini dapat mengukuhkan posisi mahasiswa sebagai contoh yang boleh diteladani oleh masyarakat Malaysia untuk semoga membentuk masyarakat yang harmoni.

Jika ditinjau dari perspektif lain, sikap perkauman dan keagamaan perlu dielakkan oleh mahasiswa. Sebagai seorang ahli dari masyarakat yang mempunyai pelbagai kaum dan ethnik dan serang yang mempunyai latarbelakang akademik yang tinggi, mahasiswa perlu mengelakkan sebarang aktiviti atau perspektif yang akan mengendala dan merosakkan keharmonian masyarakat Malaysia yang pelbagai. Oleh itu, mahasiswa perlu mengelakkan daripada membicara tentang perkara-perkara perkauman yang dipertimbangkan sebagai isu sensitif. Dengan ini, semoga masyarakat Malaysia dapat mencontohi keperibadian mahasiswa yang bersikap neutral dan justeru dapat membentuk masyarakat tanpa kekangan perkauman.

Kebolehan untuk berfikir secara rasional dan kritikal merupakan sesuatu yang sangat penting kerana dapat meleyesaikan sebarang masalah dengan cara yang bertamadun dan dengan kepuasan semua pihak. Mahasiswa mahasiswi oleh itu, perlu mengamalkan nilai ini dengan keseluruhannya. Dengan ini, sebarang kritik dan pandangan boleh dilakukan dengan bijak dan tanpa mengutuk mana-mana pihak. Saya berpendapat kuat bahawa sebarang kritikan yang wajar atas sebarang perkara dapat membawa kepada

penambahbaikan dan akhirnya membawa kepada negara dan masyarakat yang adil dan harmoni.

Malaysia sebagai negara yang mempunyai pelbagai kaum dan etnik, mempunyai pelbagai perayaan yang unik dan cantik. Kesempatan ini membolehkan rakyat Malaysia dari semua latar belakang untuk berkumpul dan menjamu selera sambil berkenalan antara satu sama lain. Oleh itu, mahasiswa bolehlah mengadakan sambutan pelbagai jenis perayaan yang boleh melibatkan masyarakat semua kaum untuk berkumpul dan meraikan kesempatan tersebut, justeru merapatkan hubungan kaum dan sillaturahim masyarakat Malaysia.

Tuntasnya, mahasiswa juga berperanan penting dalam mewujudkan perpaduan melalui integriti budaya agar semangat tersebut diamalkan dalam masyarakat serta merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan rakyat Malaysia hidup bersatu padu dan harmoni. Mahasiswa merupakan tonggak negara dimana mereka perlu cakna akan peranan memupuk perpaduan tanpa mengira kepelbagaian etnik dan kebudayaan supaya hasrat untuk membentuk sebuah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang tercapai. Selain itu, iltizam dan kesungguhan mahasiswa dan mahasiswi dalam memupuk semangat perpaduan amat dituntut demi mewujudkan negara yang bersatu padu dan berdaya saing di peringkat global. Justeru itu, semua pihak perlu menanam sifat keikhlasan dalam diri masing-masing agar perpaduan tidak bersulamkan niat meretakkan. Jangan tangan kanan menghulur madu, tangan kiri menghulur racun.

Rujukan

Dr Ghazali Din. Mahasiswa bijak, beradab bentuk masa depan gemilang. (2019, February 19). Retrieved from <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/08/463994/mahasiswa-bijak-beradab-bentuk-masa-depan-gemilang>.

Datuk Halimah Mohd Said. (2019, April 18). Mencapai keharmonian masyarakat. Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/mencapai-keharmonian-masyarakat-205056>.

Marzuki Sepiaail, Rina Fakhrihan Mohd Sukri, Alias Mat Saad (2016).Komunikasi Dan Penyiaran Dalam Islam. Shah Alam, Selangor :Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Julita. Catholic News, World Christian News,Malaysia Church,Religion Christianity. (n.d.). Retrieved from <http://www.heraldmalaysia.com/news/memupuk-semangat-masyarakat-melalui-integrasi-budaya/25683/7>.

Abdul Rahman Arshad, (2007). Unity and education in Malaysia . Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.